



**JABATAN MUFTI NEGERI KEDAH DARUL AMAN  
IRSYAD AL-HUKMI**

**PERKARA: PANDANGAN HUKUM MENGAMBIL WANG TABUNG MASJID SEBAGAI  
SUMBANGAN TAHUNAN MASJID DAN CARUMAN SAGUHATI KEPADA  
PERSARAAN PEGAWAI-PEGAWAI MASJID DI NEGERI KEDAH DARUL AMAN**

Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Kedah Bil. 03/2023 pada 21 Mei 2023 telah meneliti persoalan mengenai Hukum Mengambil Wang Tabung Masjid Untuk Digunakan Sebagai Sumbangan Tahunan Masjid dan Caruman Saguhati Persaraan Pegawai-pegawai Masjid Di Negeri Kedah Darul Aman dan bersetuju memberi pandangan seperti berikut:

1. Hukum Mengambil Wang Tabung Masjid Untuk Digunakan Sebagai Sumbangan Tahunan Masjid dan Caruman Saguhati Persaraan Pegawai-pegawai Masjid di Negeri Kedah Darul Aman adalah harus kerana kebenaran menggunakan sumbangan tersebut untuk tujuan berkenaan telah diputuskan dalam Mesyuarat Majlis Agama Islam Negeri Kedah (MAIK) Bil. 4 1/2021 pada 23 November 2021 dan 24 Februari 2022.
2. Ini kerana MAIK adalah suatu badan yang berautoriti untuk menetapkan sesuatu arahan atau kebenaran bagi apa-apa tujuan dalam penggunaan wang tabung masjid demi kemaslahatan pihak-pihak yang berkepentingan dengan institusi tersebut.

Justeru, Jawatankuasa Fatwa Negeri Kedah berpandangan Bahagian Pengurusan Masjid dan Surau, JHEAIK dapat memperjelaskan isu ini untuk kefahaman semua pihak yang terlibat supaya sebarang kekeliruan dapat ditangani dengan harmoni. Wallahu a'lam,

Disahkan Oleh;

**DATO' PADUKA SYEIKH FADZIL BIN HAJI AWANG,  
DPSS., DSDK., AMK, BCK.**

**MUFTI NEGERI KEDAH DARUL AMAN**

Tarikh: 3 Julai 2023 / 14 Zulhijjah 1444